



**KENYATAAN MEDIA**  
**MESYUARAT MAJLIS MINERAL NEGARA KEDUA**  
**8 MEI 2023**

---

1. Mesyuarat Majlis Mineral Negara (MMN) Kedua telah berlangsung pada pagi ini di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Persekutuan, Menteri-Menteri Besar, wakil Premier Sarawak dan wakil Ketua-Ketua Menteri.
2. Mesyuarat MMN Kedua ini merupakan kesinambungan kepada Mesyuarat MMN Pertama yang diadakan pada 16 Februari 2021. Pelaksanaan mesyuarat MMN ini kekal relevan sebagai platform perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk membincangkan isu-isu dasar dan operasi berkaitan industri mineral terutamanya dalam usaha untuk membangunkan industri ini secara bertanggung jawab dan mampan. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkuatkkan kembali peranan industri mineral sebagai komponen penting dalam pembangunan ekonomi negara.
3. Antara perkara-perkara yang diberi penekanan dalam membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan industri mineral negara adalah seperti tumpuan terhadap pembangunan industri mineral secara menyeluruh melalui pewujudan keseluruhan rantai nilai mineral yang bermula dari peringkat huluan, pertengahan dan hiliran.

4. Pada masa sama juga, dalam mesyuarat ini turut dibangkitkan isu-isu berkaitan penerokaan sumber mineral secara haram melalui perlombongan haram oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan telah menggesan untuk semua Kerajaan-Kerajaan Negeri mengambil perhatian serius terhadap isu ini melalui peningkatan kawalan dan pemantauan khususnya bagi kawasan-kawasan sensitif seperti Hutan Simpan Kekal (HSK) dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.
5. Bagi menangani isu tersebut, Kerajaan Persekutuan sedang dalam usaha untuk menuju **task force bagi mengatasi isu perlombongan haram**. Penubuhan *task force* ini akan melibatkan pelbagai pihak daripada pelbagai jabatan teknikal dan agensi penguatkuasaan dari peringkat Persekutuan dan Negeri.
6. Seteursnya, isu utama yang dibincangkan dalam mesyuarat MMN Kedua ini, terdapat **enam (6) kertas dibentangkan** yang menyentuh mengenai beberapa dasar penting dan operasi berkaitan sektor mineral iaitu prosedur operasi standard perlombongan NR-REE di Malaysia, penyediaan dan pengesahan laporan carigali dan penjelajahan oleh pihak yang berkelayakan, laporan pengauditan projek perintis NR-REE di Negeri Perak, cadangan langkah peningkatan pelaburan ke dalam sektor mineral negara, hasil penilaian potensi sumber mineral negara dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan sektor mineral dan perlombongan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

7. Secara umumnya, kertas-kertas yang dibentangkan ini telah mendapat persetujuan oleh kesemua ahli-ahli MMN. Perkara ini seterusnya akan dibawa ke peringkat mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) bagi tujuan pengesyoran dan persetujuan.
8. Diharapkan dengan adanya platform seperti ini, perkara-perkara berkaitan dasar dan operasi industri mineral dapat terus dibincangkan dan menjadi tunjang kepada kemajuan industri mineral negara.

**DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**8 MEI 2023**